

**KAJIAN AWAL PERMASALAHAN PERSEPADANAN  
NEGERI KEDAH / PERLIS  
KAWASAN MUARA SUNGAI SANGLANG**

**JABATAN SAINS UKUR DAN GEOMATIK  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANG DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS ARAU  
PERLIS**

**OLEH:  
MD. ARIS BIN ISMAIL  
KHAIRIL AFENDI BIN HASHIM**

**SEPTEMBER 2003**

## JADUAL KANDUNGAN

<b>Subjek</b>	<b><u>Muka Surat</u></b>
<b>TAJUK MUKA SURAT</b>	ii
<b>SURAT KELULUSAN KAJIAN</b>	iii
<b>SURAT PENYERAHAN KAJIAN</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI PLAT</b>	xi
<b>ABSTRAK</b>	xii

### **BAB SATU – PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Kenyataan Permasalahan	2
1.2	Objektif Kajian	4

### **BAB DUA – ASAL MULA**

2.0	Garis Persempadanan	5
2.0.1	Persempadan Garis Hak	5
2.0.2	Persempadan Semulajadi	6
2.0.3	Persempadan Maritim	6
2.1	Latar Belakang Isu Persempadanan	6
2.1.1	Pasar Tani	7
2.1.2	Kolam Ternakan Udang	7

2.1.3	Penderitaan Warga Tua	8
2.2	Tindakan Awal Oleh Pihak Berkuasa Negeri	8
2.2.1	Perbincangan Peringkat Portfolio Exco	8
2.2.2	Tindakan Peringkat Negeri	9
2.2.3	Perbincangan Dua Hala	9
2.3	Tindakan Bahagian Penyelidikan dan Perundingan	10
	UiTM	

### **BAB TIGA – METODOLOGI PEROLEHAN DATA**

3.0	Pengenalan Tapak Kajian	11
3.1	Metodologi	12
3.1.1	Pengukuran Topografi	12
3.1.2	Kajian Perubahan Aliran	14
3.1.3	Kajian Kedudukan Persempadan Asal	14
3.1.4	Kajian Aliran Asal Sungai	14

### **BAB EMPAT – KAJIAN SOAL SELIDIK**

4.0	Pendahuluan	15
4.1	Status Tanah dan Rumah	15
4.2	Kemudahan Awam dan Utiliti	16
4.3	Pendaftaran Sebagai Pemilih Pilihanraya	17

### **BAB LIMA – HASIL PENGUKURAN TAPAK**

5.0	Perubahan Muara Sungai	20
-----	------------------------	----

5.0.1	Kedudukan Asal Aliran	20
5.0.2	Percantuman Muara Sungai	20
5.0.3	Sekatan Aliran Sungai Sanglang	21
5.0.4	Dominasi Terusan Sebagai Aliran Utama	21
5.1	Kesan Perubahan Kawasan Muara	22
5.1.1	Wujudnya Tanah - Tanah Timbul	22
5.1.2	Penerokaan Tanah	22
5.1.3	Perkhidmatan Utiliti	23
5.1.4	Persempadan Pilihanraya	23

## **BAB ENAM – KE ARAH PENYELESAIAN**

6.0	Pendahuluan	25
6.1	Tatacara Penyelesaian	25
6.1.1	Mengenalpasti Kawasan	26
6.1.2	Membentuk Jawankuasa Teknikal Teknikal Bersama	26
6.1.3	Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan bersama Negeri	27
6.1.4	Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri	27
6.2	Majlis Tanah Negara	27
6.3	Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri	28
6.4	Cadangan Kaedah Penyelesaian	28
6.4.1	Mengikut Kedudukan Asal Sungai	31

## ABSTRAK

Garis persempadan tanah atau wilayah adalah suatu isu yang penting dalam kehidupan bermasyarakat atau bernegara. Kepentingannya mempengaruhi isu-isu sensitif dalam aspek sosial, politik, ekonomi, penguatkuasaan, dan lebih utama terhadap nilai kedaulatan yang harus ditanggung. Permasalahan persempadan pada kebiasaannya ditangani di meja rundingan. Adakalanya di putuskan oleh pihak mahkamah, dan yang lebih tragik jika permasalahan diselesaikan di medan pertempuran.

Persempadan yang jelas dan nyata membolehkan suatu kawasan atau wilayah ditadbir dan dimajukan secara terancang. Kawasan atau wilayah yang tidak jelas garis persempadan, kebiasaannya terbiar dan dilupakan daripada arus pembangunan. Situasi inilah yang sedang berlaku ke atas kawasan muara Sungai Sanglang iaitu Pekan Kuala Sanglang, Perlis dan Kampong Kuala Sanglang, Kedah.

Matlamat kajian adalah bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri mengenalpasti permasalahan sebenar persempadanan negeri di muara Sungai Sanglang. Metodologi kajian telah membuktikan terdapat perubahan kedudukan muara Sungai Sanglang sebagai mercu tanda persempadan semulajadi. Hasil ukur-kaji tapak di dokumentasikan secara sah dalam bentuk plan skala besar bagi membolehkan kajian lanjut dilaksanakan. Kajian awal ini telah mengemukakan tiga kaedah penyelesaian persempadanan berdasarkan penilaian secara objektif dan subjektif.